



NEGERI MELAKA

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF MALACCA GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 46

28hb Februari 2002

No. 5

AKTA EKSAIS 1976

(Akta 176)

EXCISE ACT 1976

(Act 176)

No. 29.

MESYUARAT LEMBAGA PELESENAN EKSAIS

EXCISE LICENSING BOARD MEETING

NOTIS

NOTICE

Notis adalah diberikan bahawa Mesyuarat Lembaga Pelesenan Eksais, Jasin, Negeri Melaka bagi minuman yang memabukkan akan diadakan di Bilik Mesyuarat, Pejabat Daerah Jasin pada jam 2.30 petang pada tarikh-tarikh yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual.

2. Semua permohonan untuk lesen-lesen baru, pembaharuan lesen-lesen atau pindah milik lesen-lesen bagi tempoh lesen yang dinyatakan dalam ruang (2) dan untuk menukar alamat hendaklah dibuat dalam Borang "Eksais 27" yang ditetapkan (dalam empat salinan) dan dihantar kepada Pengerusi, Lembaga Pelesenan Eksais, Jasin di alamat Pejabat Daerah dan Tanah Jasin, 77000 Jasin, Melaka tidak lewat dari tarikh tutup permohonan yang dinyatakan dalam ruang (3). Permohonan yang lewat akan didenda.

3. Permohonan untuk lesen-lesen baru hendaklah diiklankan atas perbelanjaan pemohon itu sendiri—

- (a) dengan mempamerkan satu salinan permohonan itu di bangunan atau tempat di mana perniagaan itu akan dijalankan dalam tempoh dua minggu sebelum mesyuarat itu diadakan; dan

WARTA KERAJAAN NEGERI MELAKA

142

[28hb Feb. 2002]

-
- (b) dengan mengiklankan permohonan itu dalam akhbar-akhbar tempatan selama dua hari berturut-turut dalam tempoh yang tersebut dalam perenggan (a), dan keratan iklan itu hendaklah dihantar ke pejabat yang tersebut di atas.

JADUAL

| (1) Tarikh Mesyuarat | (2) Tempoh Lesen | (3) Tarikh Tutup Permohonan |
|-------------------------|---|-----------------------------------|
| 7 Mac 2002 | 1 Januari 2002 hingga 31 Disember 2002 | 4 Mac 2002 |
| 28 Mac 2002 | 1 April 2002 hingga 31 Disember 2002 | 25 Mac 2002 |
| 30 Jun 2002 | 1 Julai 2002 hingga 31 Disember 2002 | 20 Jun 2002 |
| 24 September 2002 | 1 Oktober 2002 hingga 31 Disember 2002 | 9 September 2002 |

Bertarikh 8 Februari 2002.
[PDJ. 186/1-1/(1); PUN(M) 223/6 klt. 9.]

HASNAWI BIN SHAHID,
Pengerusi,
Lembaga Pelesenan Eksais,
Jasin

Notice is given that the Excise Licensing Board Meeting for the District of Jasin, in the State of Malacca for intoxicating drinks, will be held at the Operation Room, District Office, Jasin at 2.30 p.m. on the dates as specified in the column (1) of the Schedule.

2. All applications for new licences, renewal of licences or transfer of licences for the period as specified in the column (2) and for changes of addresses must be made in the prescribed Form "Excise 27" (in quadruplicate) and submitted to the Chairman of the Excise Licensing Board, Jasin addressed to the District Office, Jasin, 77000 Jasin, Malacca not later than the closing dates of the applications as specified in column (3). A fine will be imposed on late applications.

3. All applications for new licence must be advertised at the applicant's own expenses—

- (a) by displaying copy of the application at the building or place where the business is to be carried on within a period of two weeks before the meeting takes place; and
- (b) by advertising in local newspapers for two consecutive days within the period mentioned in paragraph (a), and the cuttings of the advertisements to be submitted to the office mentioned above.

WARTA KERAJAAN NEGERI MELAKA

28hb Feb. 2002]

143

SCHEDULE

| (1) Date of Meeting | (2) Duration of Licence | (3) Closing Date of Application |
|------------------------|---------------------------------------|---------------------------------------|
| 7 March 2002 | 1 January 2002 to 31 December 2002 | 4 March 2002 |
| 28 March 2002 | 1 April 2002 to 31 December 2002 | 25 March 2002 |
| 30 June 2002 | 1 July 2002 to 31 December 2002 | 20 June 2002 |
| 24 September 2002 | 1 October 2002 to 31 December 2002 | 9 September 2002 |

Dated 8 February 2002.
[PDJ. 186/1-1/(1); PUN(M) 223/6 klt. 9.]

HASNAWI BIN SHAHID,
Chairman,
Excise Licensing Board,
Jasin

No. 30.

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

(Seksyen 326)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MEMOTONG KAVEAT

Kepada Ng Teck Sing beralamat di d/a Yew Lee Enterprise 68 Jalan Yam Tuan 70000 Seremban, N.S. D.K., dan atas permintaannya Kaveat Persendirian No. P03716/2001. P03717/2001 dimasukkan ke dalam hakmilik bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya kaveat di atas adalah dimaksudkan supaya mengikat tanah itu sendiri yang diperihalkan dalam Jadual tersebut.

Dan bahawasanya She Juin Long telah membuat permohonan kepada saya supaya kaveat yang tersebut itu dipotong.

Adalah diberi bahawa, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 326 Kanun Tanah Negara, saya akan, apabila habis tempoh dua bulan dari tarikh penyampaian notis ini, atau sesuatu tempoh yang lanjut (jika ada) sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah, memotong kaveat itu.

WARTA KERAJAAN NEGERI MELAKA

144

[28hb Feb. 2002]

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Batu Berendam. No. Plot—95. Jenis dan No. Hakmilik—HSM 965. No. Daftar Pajakan/Gadaian (jika ada)—1866/1991.

Bertarikh 24 Januari 2002.
[No. Perserahan: 53/2001.]

Pentadbir Tanah,
Melaka Tengah

No. 31.

AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960

(Akta 486)

(Seksyen 8)

PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

Adalah dengan ini diisyiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual kepadanya adalah diperlukan bagi maksud yang berikut—

Pembinaan Kompleks Japerun DUN Pulau Sebang.

2. Suatu pelan tanah dan kawasan tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa semasa waktu kerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah di mana terletaknya tanah dan kawasan.

JADUAL

Daerah—Alor Gajah. Mukim—Tanjung Rimau. No. Lot Ukur—223. Hakmilik atau Kependudukan—DSPN. Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan—Kumpulan Tebong Sdn. Bhd. (semua). Keluasan Lot—25 ekar 02 rood 20 pole. Anggaran Keluasan yang akan Diambil—20,200 meter persegi (2.02 hektar).

Bertarikh 11 Februari 2002.
[PTG(M)PK/1/45.]

JAAFAR BIN ABU,
Pengarah Tanah dan Galian,
Melaka

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA